

25/09/2003

Sikap kiasu sebabkan Singapura hilang pertimbangan

Khairul Bahri Basaruddin

NEGARA jiran di selatan tanah air yang kerap menguji kesabaran negara ini, sekali lagi berdolak dalik dan memberi pelbagai alasan sebaik saja ia diberitahu Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (ITLOS) menetapkan hari ini untuk mendengar permohonan Malaysia bagi mendapat perintah sementara supaya kerja penambakan laut di perairan Selat Johor digantung.

Walaupun saiz dan jumlah penduduknya lebih kecil berbanding Malaysia, sikap kiasu yang menjadi pegangan pemimpin serta rakyat negara itu dalam kehidupan harian mereka terserlah apabila berdepan dengan suasana yang mereka sendiri timbulkan, tetapi seolah-olah terkejut dan berpura-pura tidak tahu. Itulah Singapura, berlagak seperti jagoan yang ingin mencari pasal dengan jirannya.

Malaysia sejak dulu lagi mengambil pendirian setia kawan dan menghormati jiran tetangga dalam semua urusan, walaupun tingkah laku serta tindakan jirannya itu sungguh tidak menyenangkan malah seperti duri dalam daging. Isu penambakan laut oleh Singapura sudah berlalu hampir dua tahun, tetapi ia masih enggan menghentikannya.

Singapura memberi pelbagai alasan apabila diajukan soalan dan permintaan supaya kerja penambakan digantung atau dihentikan. Baginya, penambakan itu dibuat di wilayahnya dan ia adalah hak mereka. Singapura boleh buat apa yang ia suka, kesannya pada jiran bukan urusan mereka. Itulah sikap yang diambil sehingga Malaysia memaklumpkannya bahawa perkara itu akan dirujuk kepada timbang tara.

Melalui notis pemberitahuan pada 4 Julai lalu yang disampaikan kepada Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur, republik itu dimaklumkan bahawa Malaysia akan memulakan prosiding timbang tara mengikut Lampiran VII Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Undang-Undang Laut (UNCLOS) dan memohon perintah sementara. Pada masa sama, beberapa perbincangan diadakan pada 13 dan 14 Ogos lalu, tetapi Singapura berkeras untuk meneruskan kerja penambakan itu.

Malaysia sebelum ini menyuarakan kebimbangan berhubung kesan projek penambakan laut itu, termasuk terhadap ekologi dan alam sekitar serta menyebabkan perubahan arus di perairan berkenaan.

Nelayan yang tinggal di perairan berhampiran juga mendakwa hilang mata pencarian berikutan kesan kerja penambakan itu. Selain itu, kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sukar melakukan pelayaran sekitar Pusat Latihan Rekrut (Pularek) TLDM di Tanjung Pengelih kerana Jeti Pularek terletak 700 meter dari kawasan penambakan laut yang dilakukan di Pulau Tekong.

Antara kesan lain ialah laluan kapal semakin cetek kerana perairan bertambah sempit, berlaku pergerakan pasir di dasar laut sehingga menjadi cetek dan kemusnahan tumbuhan serta hidupan laut yang menjejaskan pendapatan nelayan. Dilaporkan mata pencarian 2,000 hingga 3,000 nelayan dari 10 perkampungan nelayan sekitar Sungai Johor dan Sungai Lebam sehingga ke Pasir Gogok, Pengerang, Kota Tinggi, terjejas kerana ancaman pemendapan menyebabkan hasil tangkapan udang dan ikan terjejas.

Singapura bagaimanapun menafikan dakwaan itu dan meminta Malaysia mengemukakan bukti saintifik. Berikutan itu, kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas yang diketuai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, bagi menyediakan laporan kesan penambakan itu.

Laporan itu merangkumi kajian bersama aspek hidrolik oleh TLDM dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); kesan penilaian alam sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kajian perikanan oleh Jabatan Perikanan. Laporan teknikal dan saintifik itu turut merangkumi kajian kesan kegiatan penambakan kepada sosio ekonomi penduduk sekitar, yang

dijalankan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ).

Malah, Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah, berkata setiap kerja penambakan tanpa mengira saiz pasti memberi kesan negatif kepada kehidupan dan alam sekitar. Kerja penambakan akan menyebabkan perubahan kepada corak aliran arus, corak ombak, saliniti (kemasinan) dan suhu air, yang mana bukan saja menyebabkan pencemaran seperti hakisan pantai, malah menjejaskan hidupan akuatik di kawasan terbabit.

Beliau berkata, kesan itu tidak terkecuali bagi kerja penambakan oleh Singapura, namun sejauh mana ia memberi kesan kepada perairan negara, perlu ditentukan menerusi kajian hidraulik terperinci.

Kajian menggunakan perisian atau model komputer itu, membolehkan JPS dan pihak berkaitan meramalkan tahap perubahan aliran arus, ombak, saliniti dan suhu air selain pencemaran seperti pemendapan dan hakisan pantai sebelum dan selepas kerja penambakan dijalankan.

Fakta menunjukkan pulau Singapura yang kecil itu telah membesar secara fizikal sebanyak 11 peratus, iaitu dari 582 kilometer persegi kepada 647 kilometer persegi dalam masa 40 tahun lalu.

Mengikut Pelan Konsep 2001, Singapura berharap untuk menambah keluasan sebanyak 15 peratus lagi menjelang 2010 bagi menampung 5.5 juta penduduk daripada 3.7 juta orang sekarang. Tebus guna tanah besar-besaran dirancang di sekitar Pulau Tekong dan Pulau Ubin bertentangan dengan Tanjung Pengelih di timur laut Johor, Tuas dekat Laluan Kedua dan pulau kecil ke barat sebelah Tuas.

Apabila projek itu siap kelak, Pulau Tekong akan bersambung dengan Pulau Ubin dan membesar daripada hanya 3,534 hektar kepada 6,228 hektar.

Apa yang pasti, Pulau Ubin akan menjadi pusat sukan dan rekreasi manakala penambakan di Tuas bertentangan dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas akan mengisi keperluan industri dan perkapalan. Setakat ini, belum ada butir didedahkan mengenai masa depan Pulau Tekong, tetapi apa yang diketahui adalah ia menjadi pangkalan latihan rekrut tentera Singapura.

Bagaimanapun, kerajaan Singapura beberapa kali menegaskan kerja penambakan laut di perairannya tidak mendatangkan kesan buruk kepada Malaysia. Malah, Penolong Pengarah/Ehwal Awam Kementerian Pembangunan Negara Singapura, Soo Siew Keong, berkata kerja penambakan di Tuas dan Pulau Tekong tidak menjejaskan laluan kapal di Selat Tebrau serta menyebabkan hakisan dan pencemaran pantai di Selat Tebrau.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, pula menyalahkan akhbar Malaysia dengan dakwaan sengaja menimbulkan masalah di antara Singapura dan Malaysia dengan menyiarkan berita yang boleh menjejaskan hubungan dua hala.

Katanya, ada akhbar tidak berminat dengan fakta dan tidak juga menyiarkan penjelasan yang diberikan Singapura, seperti dilaporkan oleh edisi internet stesen televisyen Channel News Asia.

Selepas kontroversi itu, keadaan agak tenang dan Malaysia masih mengharapkan Singapura mengambil langkah yang tidak menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara. Kita tidak mahu perkara itu boleh merenggangkan lagi semangat persahabatan Asean yang sudah dipupuk berpuluh tahun.

Bagaimanapun, Singapura masih tetap dengan sikap kiasu dan tidak langsung ingin berdamai atau menjaga hati jiran tetangga apabila pada 8 Jun lalu dilaporkan kerja penambakan laut di Tuas dan beberapa kawasan berhampiran Pulau Tekong dan Ubin, Singapura, kembali rancak apabila kapal dan pontun membawa pasir ke kawasan terbabit setiap hari, sejak April lalu.

Kebanyakan kerja mengangkut pasir untuk penambakan dilakukan pada waktu malam. Berbelas-belas pontun didapati berulang alik membawa pasir untuk kerja penambakan di Tuas, berhampiran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah. Kapal besar pula digunakan untuk membawa bahan itu ke kawasan penambakan berhampiran Pulau Tekong dan Ubin, berdepan Tanjung Pengelih di Kota Tinggi. Kerja mengangkut pasir itu dilakukan setiap hari. Bagaimanapun, tidak diketahui daripada mana pasir berkenaan dihantar.

Sehubungan itu, kita agak terkejut dengan reaksi Singapura sebaik saja

ITLOS mengumumkan tarikh perbicaraan kerana sebelum ini negara itu mengetahui perkembangan dan tindakan yang diambil oleh Malaysia bagi menyelesaikan masalah itu.

Hampir dua tahun berlalu, Malaysia tidak jemu-jemu mengemukakan pandangan dan disokong oleh pelbagai kajian meminta Singapura menggantung kerja penambakan itu tetapi permintaan itu tidak dilayan langsung.

Jurucakap Kementerian Luar Singapura dalam kenyataannya menjelaskan negara itu kecewa dengan keputusan Malaysia untuk menyelesaikan isu penambakan laut melalui timbang tara dan bukannya melalui rundingan.

"Kami amat kecewa apabila Malaysia memutuskan untuk membawa perkara itu ke timbang tara sebagai langkah sementara. Ia tidak matang dan tidak perlu," katanya.

Jurucakap itu menyatakan Malaysia pada mulanya mengemukakan bantahan terhadap kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura pada Januari tahun lalu.

Selepas lebih setahun, Malaysia, katanya akhirnya menghantar Nota Pihak Ketiga (TPN) kepada Singapura pada 4 Julai, 2003, yang melampirkan laporan teknikal mengenai bagaimana kerja-kerja penambakan laut itu telah menjejaskan mereka.

Dalam nota itu, Malaysia turut memberikan notis kepada Singapura yang menyatakan ia merujuk isu penambakan laut itu ke pihak timbang tara antarabangsa mengikut UNCLOS.

Malah Menteri Luarnya, S Jayakumar, dilaporkan berkata tindakan Malaysia itu agak terburu-buru kerana rundingan masih dijalankan dan pihaknya berharap penyelesaian dapat dicapai tanpa merujuk kepada tribunal.

Bagaimanapun, beliau mengakui Malaysia mempunyai hak berbuat demikian dan jalan yang dipilih oleh Malaysia itu dengan merujuk aduan kepada tribunal antarabangsa.

Berdasarkan kepada kenyataan pemimpin negara itu, kita dapat lihat sejak bermula kontroversi ini mereka langsung tidak ingin menyelesaikannya di meja rundingan. Mereka memilih jalan berdolak dalih dan cuba melengahkan penyelesaian bagi membolehkan projek itu siap seperti yang dirancangkan. Apa salahnya sebagai jiran, jika negara itu ingin menjalankan projek yang akan menjejaskan kawasan negara jirannya memaklumkan terlebih dulu atau meminta pandangan sebagai tanda hormat. Kita tahu, wilayah itu hak mereka tetapi demi semangat setia kawan, tak salah saling memaklumkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata Malaysia memilih menggunakan kaedah timbang tara untuk menyelesaikan isu penambakan laut oleh Singapura berikutan kegagalan beberapa rundingan dengan republik itu. Katanya, selepas perundingan menemui jalan buntu, cara terbaik menyelesaikan masalah itu ialah dengan menggunakan pihak ketiga.

Beliau berkata setelah beberapa kali perbincangan diadakan, jalan penyelesaian tidak dapat ditemui. Sebaliknya Singapura cuba memburukkan negara ini dalam isu berkenaan.

Dr Mahathir berkata, cara itu adalah yang terbaik untuk menyelesaikan kebuntuan yang ada kerana pilihan itu turut disebut dalam perjanjian antara kedua-dua negara.

Katanya, Singapura diberitahu mengenai hasrat Malaysia untuk merujuk isu berkenaan kepada timbang tara. Bagaimanapun beliau tidak pasti respons kerajaan negara itu.

Malaysia membawa kes itu ke ITLOS kerana ia yakin ia mempunyai bukti kukuh dan disokong dengan kajian serta laporan teknikal bagi membolehkan satu perintah sementara dikeluarkan ke atas Singapura. Langkah jangka pendek yang diambil oleh negara ini sementara menunggu kes itu didengar oleh timbang tara diharapkan dapat mengendurkan keadaan dan menyelamatkan kemusnahan ekologi dalam keadaan laut di perairan Selat Johor.

Kita penuh yakin semua hakim yang akan mendengar kes Malaysia selepas membaca semua bukti dan kajian teknikal akan mengeluarkan satu perintah yang memihak kepada negara ini. Dalam hal ini, jika perintah dikeluarkan

memihak kepada Malaysia, Singapura tidak akan rugi kerana merit kes itu belum diputuskan oleh timbang tara. Bagaimanapun, jika mahkamah tidak memihak kepada Malaysia, kerugian besar akan dialami negara ini kerana penerusan kerja penambakan itu akan memusnahkan ekologi serta alam sekitar di Johor.